



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

29 Aug2021 (Sunday)

Harian Metro

Mengaku pakar rawatan islam namun tak pandai baca al-Fatihah	1
KREDIBILITI TOKOH HADIS IBN ISHAQ, AL-WAQIDI	2
JALUR GEMILANG	3

Kosmo

209 jenazah Covid-19 dikebumi di Raudhatul Baqi'	4
--	---

Sinar Harian

Kabinet Ismail Sabri bukan 'di luar kotak'	5
Sentiasa cari idea baru	6

Berita Harian Online

Ibu Izuan Fitri terharu ramai hulur bantuan	7
Melaka sekat rentak cemerlang Selangor	8

KOSMO Online

Sultan Selangor zahir dukacita pemergian Tun Ahmad Sarji	9
--	---

Malaysiakini Online

Chow gesa PM beri perhatian kepada negeri dengan peningkatan kes	10
--	----

myMetro On-line

Gegasi Merah kempunan raih kemenangan	11
---------------------------------------	----

Sinar Harian Online

Angkara Covid-19, tiga anak kecil 'ditinggal' di rumah	12
Beri perhatian negeri dengan peningkatan kes tinggi	13
CITF benarkan Pulau Pinang pinjam 200,000 dos vaksin dari Selangor	14

TV3

Kaji Cadangan Kurangkan Cukai Pengusaha Hotel, Penginapan	15
---	----

Utusan Malaysia Online

Kabinet baru perlu proaktif tangani isu rakyat	16
Penampilan semula barisan 'kabinet PN' dipersoal	17
Selangor gigit jari, UiTM berpesta gol	18
Lima permohonan bina pusat krematorium di Selangor	19
Speaker DUN Selangor didesak benarkan pakai baju kebangsaan	20

The Malay Mail Online

Covid-19: Over 4,000 Orang Asli yet to be vaccinated, says Selangor exco	21
--	----

The Star Online

200,000 vaccine doses a loan from S'gor	22
Eogene and Siti emerge winners	23
Three more crematoriums for Selangor	24

China Press

Noraini: As of August 22, 207 civil servants have been infected with Covid-19	25
---	----



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



Teng Chang Khim urged the Health department to issue a fine to Badrul Mushani who frequently took off his mask for debate.	26
Ganabatarau: 9 welfare departments were ordered to close in 8 months due to officials infected with Covid-19.	27
MDKS will no longer issue collection notices and will provide online payment of house tax from the second half of the year	28
Ng Sze Han: State government uses various methods to convey MCO information to the people.	29
Tourism Selangor promotes local travel by organizes travel exhibitions online with an offer of discount packages.	30
MPK teamed up to a residential house and cleaned up 20 tons of garbage	31
Najmuddin: 12 morning markets and 4 agricultural bazaars are approved to gradually reopen next month.	32
Tamil Malar	
53,571 industrial workers in Selangor tested positive	33



KERATAN AKHBAR
29 August 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Mengaku pakar rawatan islam namun tak pandai baca al-Fatihah
Muka Surat	:	6

Mengaku pakar rawatan Islam namun tak pandai baca al-Fatihah

Kuala Lumpur: Peluang buat duit. Itu yg dilakukan individu tertentu mendakwa dirinya adalah 'Dukun Covid' dan mampu menyembuhkan penyakit itu dengan hanya membaca ayat al-Quran secara terbalik.

Pesakit yang mendapatkan khidmat dukun Covid ini perlu membayar caj rawatan RM250 hingga RM450.

Bukan itu saja malah pembacaan jampi serapah yang bercampur dengan bahasa asing, termasuk penggunaan ayat al-Quran secara terbalik, dan semua kaedah 'rawatan' terbabit pula hanya dibuat menerusi panggilan telefon.

Dukun Covid ini mendakwa pesakit hanya perlu ya-

kin padanya kerana menerusi jampi serapah itu, ia mampu membunuh virus terbabit.

Pada masa sama, wujud juga dalam kalangan individu yang menggelarkan diri mereka sebagai pakar perawatan Islam dan 'berguru' melalui mimpi namun untuk membaca beberapa surah lazim terutamanya surah al-Fatihah.

Mendedahkan perkara itu, Penasihat Gabungan Perawat Muslim Malaysia, Ustaz Mohd Fauzi Mustaffa berkata, hukum bagi 'perawat' atau bomoh yang membaca ayat al-Quran secara terbalik dengan campuran bahasa lain jelas adalah haram. "Ini adalah antara bukti

seseorang itu bukannya perawat Islam, sebaliknya hanya menggunakan 'pakaian' perawat Islam saja sedangkan kaedah yang digunakan jauh bertentangan.

"Berdasarkan pengalaman saya dan apa yang saya pelajari, individu yang melakukan teknik atau kaedah ini mempunyai perjanjian dengan jin atau syaitan.

"Ini kerana hukum membaca al-Quran yang tidak tertib tambahan pula digabungkan dengan bahasa lain, membacanya dengan terbalik adalah haram, ini jelas," katanya, semalam.

Menurutnya, segelintir individu ini mengaku sebagai pengamal perubatan Islam namun menerusi saringan yang dilaksanakan, sebahagian mereka ini tidak mampu untuk membaca surah al-Fatihah apatah lagi ayat lazim yang lain.

Beliau yang juga panel saringan perawat Islam untuk Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) berkata, mereka ini hanya memakai 'pakaian' perawatan Islam saja.



Hukum membaca al-Quran yang tidak tertib tambahan pula digabungkan dengan bahasa lain, membacanya dengan terbalik adalah haram, ini jelas"

Mohd Fauzi Mustaffa

"Saya sendiri kerap kali berdepan dengan situasi di mana seseorang itu datang untuk ditemuduga dan apabila kita tanya beberapa kri-

teria khusus, ia amat meragukan.

"Saringan dilaksanakan di Jais adalah mirip inisiatif yang diambil Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) iaitu i-Syifa kerana ia mempunyai kriteria tertentu.

"Antara kriteria yang diambil kira adalah daripada mana ilmu perawatan itu diambil, siapa gurunya, sanad keilmuan perawatan berkenaan dan mendengar bacaan serta kaedah perawatan," katanya.

Mohd Fauzi yang juga Ahli Jawatankuasa Sesi Penjelasan dan Penyelidikan Jais berkata, semua kriteria itu akan diperbincangi oleh panel penemuduga sebelum suatu keputusan akan diambil sama ada untuk menolak atau menerima.

"Contoh, sanad ilmu itu daripada tokoh agama yang disegani atau dikenali dan diiktiraf keilmuannya seperti Sheikh Nuru-ddin Marbu al-Banjari dan beberapa tokoh lain.

"Selain itu, kita juga akan lihat kaedah perawatan mereka, bagaimana jika ada pesakit perempuan, apa kaedah yang digunakan kerana itu semua penting," katanya.

Menurutnya, inisiatif pelaksanaan Akta 775 Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 adalah sangat baik untuk pemurnian dalam kalangan perawat Islam supaya orang awam tidak menjadi mangsa penipuan atau jenayah.





KERATAN AKHBAR		
29 August 2021		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	KREDIBILITI TOKOH HADIS IBN ISHAQ, AL-WAQIDI
Muka Surat	:	15

LENTERA HADIS

KREDIBILITI TOKOH HADIS IBN ISHAQ, AL-WAQIDI



B

Meskipun kedudukan Ibn Ishaq dikritik oleh sebahagian ulama seperti Imam Malik namun ulama yang memuji dan menyanyungnya lebih ramai bilangannya


oleh dikatakan tidak ada di atas dunia ini seorang manusia pun yang riwayat hidupnya direkodkan secara terperinci melalui sumber sahih dan diterima melainkan Nabi Muhammad SAW. Segala yang berkaitan dengan baginda SAW sejak dilahirkan sehinggalah wafat dicatatkan dengan cukup lengkap dan terperinci.

Oleh kerana aspek sirah Nabi SAW tidak membabitkan secara langsung dengan aspek akidah dan ahkam maka ulama memberikan kelonggaran pada syarat periwayatan sirah ini. Kelonggaran ini menjadikan penulisan mengenai sirah Nabi SAW menjadi cukup terperinci mencakupi pelbagai aspek. Ini kerana riwayat yang daif kemungkinan dapat menampung kelompongan kronologi antara peristiwa sirah yang berlaku. Justeru, menjadikannya lebih lengkap dan sempurna.

Tidak dinafikan terdapat riwayat munkar dan palsu yang dapat mencemarkan keindahan sirah Nabi SAW. Namun, kebanyakannya dikesan dan dikenal pasti oleh ulama melalui pispasan sanad dan matan yang meragukan. Selain al-Quran dan kitab hadis, sirah Nabi SAW juga bersumberkan kepada kitab sirah yang ditulis oleh ahli sejarah Islam.

Antara tokoh terkenal yang memberikan sumbangan besar dalam bab sirah ini ialah Ibn Ishaq (wafat 151H) dan al-Waqidi (wafat 207H). Ibn Ishaq ialah Muhammad bin Ishaq bin Yasar al-Madani, seorang daripada ahli sejarah Arab yang paling awal dalam Islam dan pengarang kitab al-Sirah an-Nabawiyah. Kehebatannya dalam menghafaz hadis sungguh luar biasa sehingga beliau pernah digelar sebagai Amir al-Mu'minin fi al-Hadith (ketua orang Mukmin dalam hadis). Kitab sirah beliau kemudian dikemas kini oleh Ibn Hishyam (wafat 213H) sehingga terkenal disebut sebagai Sirah Ibn Hishyam.

Sementara al-Waqidi pula ialah Muhammad bin Umar bin Waqid al-Madani al-Waqidi, juga antara ahli sejarah klasik terawal dan pengarang kitab al-Maghazi an-Nabawiyah. Antara muridnya yang paling masyhur meriwayatkan hadis daripadanya



KELAHIRAN Nabi Muhammad membawa rahmat kepada seluruh alam dan sirahnya sering dibaca ketika sambutan Maulidur Rasul.

Telah jelas bahawa al-Waqidi adalah daif, hanya diperlukan dalam bab peperangan dan sejarah serta kami membawakan riwayatnya tanpa tujuan berhujah. Kedudukannya di sisiku adalah beliau di samping daifnya, masih boleh ditulis serta diriwayatkan hadisnya kerana aku tidak menuduh beliau memalsukan hadis"

al-Hafiz az-Zahabi

ialah Ibn Saad (wafat 230H) pengarang kitab at-Tabaqat al-Kubra yang menjadi rujukan penting dalam sejarah Islam.

Terdapat segelintir pengkritik menolak kredibiliti Ibn Ishaq dan al-Waqidi serta menganggap mereka sebagai Syiah pendusta dan riwayat mereka tidak harus diterima langsung.

Kononnya mereka adalah Syiah yang mempunyai agenda jahat untuk memburukkan sahabat Nabi SAW. Menurut pengamatan penulis, kritikan ini adalah agak berlebihan dan bertentangan dengan pendirian ramai ulama hadis yang tidak menolak secara

total riwayat Ibn Ishaq serta al-Waqidi.

Kebanyakan ulama hadis menggunakan pendekatan memilih dan menyaring riwayat mereka iaitu dengan menerima riwayat mereka yang bertepatan dengan riwayat sahih dan tidak bercanggah serta menolak riwayat mereka yang amat lemah dan bercanggah. Fahaman Syiah yang dikaitkan dengan mereka jika benar, sebenarnya tidak begitu memberi kesan besar terhadap kredibiliti mereka kerana ia hakikatnya berbeza dengan fahaman Syiah pelampau. Malah pada zaman mereka iaitu pada kurun kedua Hijrah, fahaman Syiah pelampau yang berpegang kepada Imam Dua Belas belum muncul dan berkembang pesat.

Meskipun kedudukan Ibn Ishaq dikritik oleh sebahagian ulama seperti Imam Malik namun ulama yang memuji dan menyanyungnya lebih ramai bilangannya. Kata al-Hafiz az-Zahabi dalam Siyar Alam al-Nubala' dalam mengulas mengenai perselisihan faham antara Imam Malik dan Ibn Ishaq: "Kedua-dua tokoh ini didapati setiap seorang daripada mereka mengkritik pihak yang satu lagi. Cuma kritikan Malik memberi kesan sedikit terhadap kelemahan Ibn Ishaq, manakala kritikan Ibn Ishaq tidak memberi kesan pun terhadapnya walaupun sebesar-zarah. Malik terus meningkat naik dan menjadi umpama bintang. Manakala beliau pula meningkat

naik berdasarkan kadar kedudukannya terutama dalam bab sirah. Adapun dalam bab hadis ahkam maka hadisnya menurun sedikit daripada status sahih kepada status hasan melainkan pada hadis yang beliau terkeliru padanya maka dikira sebagai hadis munkar. Ini adalah pandanganku mengenai kedudukannya."

Kedudukan al-Waqidi pula berbeza dengan Ibn Ishaq kerana lebih banyak menerima kritikan ulama hadis. Dalam merumuskan mengenai kedudukannya, al-Hafiz az-Zahabi dalam Siyar Alam al-Nubala' berkata: "Telah jelas bahawa al-Waqidi adalah daif, hanya diperlukan dalam bab peperangan dan sejarah serta kami membawakan riwayatnya tanpa tujuan berhujah." Katanya lagi: "Kedudukannya di sisiku adalah beliau di samping daifnya, masih boleh ditulis serta diriwayatkan hadisnya kerana aku tidak menuduh beliau memalsukan hadis."

Melalui pencerahan ini diharapkan masyarakat tidak lagi perlu bingung apabila ada suara yang cuba mempersoalkan secara berlebihan kredibiliti tokoh ini serta mempertikaikan ulama yang secara selektif masih menerima riwayat mereka.

Penulis Ketua Unit Hadis di Institut Kajian Hadis & Akidah (Inhad), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis)



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
29 August 2021		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	JALUR GEMILANG
Muka Surat	:	24

Megah dengan JALUR GEMILANG

SEMANA JALUR GEMILANG

- 1 MEI 1948** Perancangan reka cipta Bendera Persekutuan Tanah Melayu diadakan. Sebanyak 373 karyawan mengambil bahagian dalam pertandingan itu.
- 15 NOVEMBER 1948** Hanya tiga reka bentuk dipilih ke peringkat akhir.
- 22 DAN 23 FEBRUARI 1950** Menteri Kanan Raja-Raja Perak dan memilih reka bentuk pilihan mereka sebagai reka bentuk untuk Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.
- 26 MEI 1950** Juara kali pertama Persekutuan Tanah Melayu diberikan di hadapan Istana Sultan Selangor di Kuala Lumpur.
- 31 Ogos 1957** Bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan dan dibentangkan secara rasmi di Istana Kuning Selangor bersama nyanyian Lagu Negaraku.
- 18 SEPTEMBER 1962** Bendera Malaysia bendera dan pertambahan 14 jalur dengan penyertaan Sabah, Sarawak serta Singapura dalam Malaysia.
- 1965** Singapura keluar daripada Malaysia dan jurai 14 jalur kekal hingga kini.
- 30 Ogos 1997** Bendera Merdeka kemudiannya, Dato' Seri (kini Tunj) Dr Mahathir Mohamad mengumumkan nama Bendera Malaysia sebagai Jalur Gemilang di Daratan Merdeka, Kuala Lumpur.
- 1998** Jalur Gemilang mewakili keanggotaan 13 negeri manakala satu jalur mewakili Kerajaan Persekutuan.

BENDERA BUNDA	BENDERA BUNDA	BENDERA SEDANG	BENDERA BESAR	BENDERA MEJA	BENDERA KENETA
<ul style="list-style-type: none"> Panjang : 183 sentimeter (cm) Lebar : 141 cm 	<ul style="list-style-type: none"> Panjang : 122cm Lebar : 83cm 	<ul style="list-style-type: none"> Panjang : 244cm Lebar : 122cm 	<ul style="list-style-type: none"> Panjang : 366cm Lebar : 183cm 	<ul style="list-style-type: none"> Panjang : 30 cm Lebar : 15,25cm 	<ul style="list-style-type: none"> Panjang : 20cm Lebar : 15,25cm

FAKTA JALUR GEMILANG

- BULAN SABIT** Mewakili bulan sabit sebagai agama rasmi bagi Persekutuan dan negara.
- 13 BIRU** Mewakili 13 negeri yang bersempitan dengan negara.
- 14 KUNING** Pada bulan dan terang matahari berkilauan juga bersempitan.
- JALUR PUTIH** Mewakili kesucian, keadilan dan kejujuran.
- JALUR MERAH** Mewakili keberanian dalam menghadapi rintangan dan rintangan serta tabuhan.
- BERTANG POKOK 13** Mewakili 13 negeri dan Wilayah Persekutuan.

CARA MEMPERTAHKAN BENDERA

SELANJUR LAMBAH PENTING DAN BERKUALITI NEGARA

- Orang awam yang memakai baju Melayu dan Bersempitan (Beri) tidak boleh memakai kemeja dua butang, kemeja lengan panjang dan sarung.
- Orang awam memakai pakaian lain.
- Berdiri tegak dengan kedua-dua tangan dibentangkan ke bawah.
- Orang awam memakai topi.

TANDA BERKUALITI

Bendera dibentangkan sebagai tanda bersempitan.

Bendera dibentangkan sebagai tanda bersempitan.

Bendera boleh digunakan untuk menutup bendera di dalam mesra Pengumuman Negara kepada individu yang bersempitan negara termasuk:

- Duta Malaysia di negara-negara lain.
- Tembaga dan jurai yang mengawal dunia semasa bertukar.
- Memeriah pulang rakyat Malaysia yang meninggal di luar negara.





KERATAN AKHBAR
29 August 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	209 jenazah Covid-19 dikebumi di Raudhatul Baqi'
Muka Surat	:	5

209 jenazah Covid-19 dikebumi di Raudhatul Baqi'

CYBERJAYA – Sebanyak 209 urusan pengebumian jenazah Covid-19 dilaksanakan Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) di Tanah Perkuburan Islam Raudhatul Baqi' di sini sejak dibuka 31 Julai lalu.

Yang Dipertuannya, Datuk Abd. Hamid Hussain berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 115 adalah jenazah lelaki dengan peratusan taburan 55 peratus, manakala jenazah perempuan 94 (45 peratus).

Ujarnya, taburan mengikut kewarganegaraan pula menyaksikan 101 adalah jenazah warganegara, manakala baki 108 pula adalah bukan war-

ganegara.

"Dari segi peratusan menunjukkan jenazah Covid-19 bukan warga asing adalah lebih dua peratus iaitu sebanyak 51 peratus berbanding jenazah Covid-19 warganegara Malaysia iaitu 49 peratus," katanya kepada *Kosmo!* Ahad baru-baru ini.

Sementara itu, jelasnya, jumlah pengurusan pembakaran mayat Covid-19 di Krematorium Sepang, Tanah Perkuburan Bersepadu adalah sebanyak 59 kes pengurusan sejak mula beroperasi pada 9 Ogos lalu.

"Mayat lelaki lebih ramai berbanding wanita di situ," ujarnya.



TANAH Perkuburan Islam Raudhatul Baqi', Cyberjaya dibuka sejak 31 Julai lalu.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
29 August 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Kabinet Ismail Sabri bukan 'di luar kotak'
Muka Surat	:	9

SINAR AHAD • 29 OGOS 2021

NASIONAL



ANALISIS
 KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN

Penantian 32 juta rakyat Malaysia untuk mengetahui senarai barisan kabinet kerajaan baharu dipimpin Perdana Menteri baharu, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berakhir pada Jumaat.

Di sebalik pelbagai spekulasi teracet mengenai kemungkinan kabinet 'Keluarga Malaysia' dipimpin Ahli Parlimen Bera itu bakal berwujud baharu, ramalan itu nampaknya meleset.

Ramai pemerhati politik bahkan rakyat berpandangan kabinet baharu yang ditampilkan seolah-olah terdiri daripada bekas menteri kerajaan Perikatan Nasional (PN) yang 'dikitar semula'.

Berdasarkan senarai nama 69 menteri dan timbalan menteri baharu yang dilantik, Ismail Sabri dilihat sekadar membawa masuk lima muka baharu untuk jawatan menteri dan empat muka baharu untuk jawatan timbalan menteri.

Lebih mengecewakan, pada saat kerajaan PN didakwa gagal kerana tidak dapat menyelesaikan krisis Covid-19, meskipun memiliki kabinet bersaiz besar, saiz kabinet Ismail Sabri sama seperti kabinet Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Kabinet Ismail Sabri bukan 'di luar kotak'

PECAHAN MENTERI DAN TIMBALAN MENTERI MENGIKUT PARTI

Parti	Menteri	Timbalan Menteri
UMNO	10	10
Bersatu	10	14
Pas	3	5
MCA	1	4
MIC	1	0
GPS	4	4
PBS	1	0
PBRIS	0	1
Profesional	1	0
Jumlah	31	38

PREMIUM

Tangan terikat

Secara terperinci, pendekatan 'selamat' Ismail Sabri untuk tidak melakukan perubahan besar dalam kabinet baharu menunjukkan beliau tidak melakukan perkara di luar kotak lantaran tangannya juga masih 'terikat' dengan tuntutan parti-parti komponen dalam kerajaan itu sendiri.

Dengan 90 peratus daripada bilangan menteri dan timbalan menteri kerajaan PN dilantik semula, seorang penganalisis politik berpendapat bayangan Muhyiddin dalam pembentukan kabinet baharu masih ketara.

"Rakyat sebenarnya mengharapkan kabinet baharu Ismail Sabri mampu membawa elemen kejutan dan berwujud segar bagi membolehkan fokus kerajaan menyelesaikan kelmut krisis Covid-19 dan ekonomi dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

"Namun beliau dilihat tidak berani melakukan sesuatu di luar kotak dengan bayangan Muhyiddin dalam pembentukan kabinet baharu masih jelas kelihatan.

"Bagi saya, satu-satunya perkara positif daripada pembentukan kabinet ba-

haru kerajaan adalah menteri-menteri yang cemerlang sewaktu kerajaan PN diberi portfolio kementerian lebih strategik seperti Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar dan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa," kata penganalisis politik veteran, Profesor Dr Ahmad Atory Hussein.

Selain isu ketiadaan lebih ramai muka baharu, keputusan Ismail Sabri mengembalikan pemimpin 'warlord' UMNO seperti Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Shahidan Kassim dan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tan Sri Noh Omar dalam kabinet beliau turut menimbulkan tanda-tanya.

Hal ini kerana Ahmad Atory berpandangan pelantikan dua pemimpin senior UMNO itu lebih sekadar memenuhi ganjaran kepada mereka kerana memainkan peranan politik besar dalam membantu Ismail Sabri diangkat sebagai Perdana Menteri kesembilan.

Tiada kluster mahkamah

Bagi bekas Menteri Besar Selangor, Dr Mohamad Khir Toyo pula, beliau sememangnya sudah menjangkakan pembentukan kabinet baharu Ismail Sabri akan lebih mirip kabinet kerajaan PN sebelum ini.

Jangkaan itu berdasarkan pandangan Perdana Menteri baharu pasti berdepan kesukaran untuk merombak barisan kabinet baharu secara besar-besaran kerana kesuntukan waktu.

Selain itu, pada saat kerajaan bertungkus-lumus mendepani krisis Covid-19 dan ekonomi, Ismail Sabri

juga memerlukan barisan pemimpin yang sudah berpengalaman dan memahami polisi kerajaan sedia ada dalam menangani pandemik berkenaan.

Hal ini kerana beliau percaya, Ismail Sabri berdepan kebimbangan pelantikan pemimpin baharu untuk meneruskan projek rintis diusahakan kerajaan PN bagi menangani krisis, akan mencanak-kelancarannya.

"Sebagai contoh, keputusan pertukaran portfolio Khairy dan Ahli Parlimen Tenggara, Datuk Seri Dr Adham Baba adalah perkara terbaik yang boleh dilakukan Ismail Sabri pada waktu genting ketika ini," katanya.

Bagaimanapun, Mohamad Khir memuji keberanian Ismail Sabri mengembalikan jawatan-jawatan menteri yang strategik seperti Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan kepada UMNO.

"Saya juga tidak menolak kemungkinan kabinet baharu yang bebas 'kluster mahkamah' ini akan meneruskan usaha rundingan dengan parti pembangkang di luar blok PH seperti Pejuang dan Warisan.

"Langkah ini boleh menjadi 'exit' strategi kepada Ismail Sabri untuk mengekalkan kerajaan beliau sekiranya sentimen perpecahan dalam UMNO masih berterusan," katanya.

Kabinet Muhyiddin 2.0

Sementara itu, Naib Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Tian Chua berpandangan barisan kabinet baharu dipilih Ismail Sabri adalah merupakan kabinet Muhyiddin 2.0 yang ketandusan 'bakat

-bakat politik' yang lebih progresif serta berdaya saing.

Jelas beliau, Ismail Sabri seolah-olah ketiadaan opsi yang lebih luas bagi mewujudkan sebuah kabinet berwujud lebih segar, berketirapan dan efektif bagi menangani krisis terburuk dihadapi negara ketika ini.

"Saya tidak pasti rakyat puas hati atau tidak, tetapi secara peribadi saya tidak yakin formula pembentukan kabinet baharu ini akan menjadikan kerajaan baharu berbeza dengan PN.

"Bagaimanapun, sekiranya blok pembangkang bersatu dan memainkan peranan semak danimbang di Parlimen dengan lebih berkesan, tekanan itu mampu memaksa kerajaan baharu untuk mengemukakan polisi lebih baik demi kesejahteraan rakyat," katanya.

Selain tiada elemen kejutan dalam pembentukan kabinet baharu, Tian Chua turut mempersoalkan kegagalan pemimpin menyokong pucuk kepimpinan UMNO diterajui Presidennya, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi diberikan peranan penting dalam pembentukan kabinet baharu.

Pada saat Ahmad Zahid bersama 14 ahli Parlimen UMNO yang menarik sokongan terhadap Muhyiddin menuntut kerajaan baharu bebas daripada beban kegagalan kerajaan PN, pelantikan hanya dua menteri kem Ahmad Zahid dalam kabinet baharu menunjukkan seolah-olah peranan mereka dipinggirkan.

"Keadaan itu juga tidak baik dan menunjukkan Perdana Menteri baharu seolah-olah masih bermain politik untuk mengukuhkan kedudukan beliau ketika ini," katanya.



MOHAMAD KHIR



TIAN CHUA



AHMAD ATORY



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
29 August 2021		
Akbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Sentiasa cari idea baru
Muka Surat	:	14

Kontraktor di Gemas
 bina replika kapal layar
 menggunakan bahan terpakai

Oleh SYAMILAH ZULKIFLI

TAMPIN

Seorang kontraktor di Kampung Ulu Ladang, Gemas di sini menzahirkan rasa cinta dan semangat patriotik sempena Bulan Kemerdekaan kali ini dengan menghasilkan replika kapal layar.

Replika yang dibina Mohamed Haris Jantan, 58, daripada bahan terpakai itu sebagai simbolik terhadap keadaan politik negara yang tidak stabil ketika ini.

Menurut Mohamed Haris, hampir tiga bulan dia mengambil masa untuk menyiapkan replika berkenaan termasuk menghiasnya dengan Jalur Gemilang.

"Saya mula membina replika ini pada bulan Mei dan bahan digunakan semuanya daripada barang lebihan projek rumah seperti besi, zink dan tong cat," katanya kepada *Sinar Harian*.

Bapa kepada empat anak itu sebelum ini pernah membina replika jet pejuang, kereta kebal dan kapal terbang.

Hasil kreativiti



MOHAMED HARIS



Mohamed Haris dan cucunya, Alya Qistina Mohd Afiq Syazwan berdiri di depan replika kapal layar yang dibinanya sempena Bulan Kemerdekaan.

ini turut menjadi tarikan kepada masyarakat setempat untuk datang bergambar.

Cerita Mohamed Haris, keterujaannya untuk mengibarkan Jalur Gemilang

secara agresif bermula pada tahun 2015 apabila Jabatan Penerangan menganjurkan pertandingan keceriaan kibar Jalur Gemilang sempena Bulan Kemerdekaan.

"Sejak itu setiap kali masuk bulan kemerdekaan, saya jadi bersemangat memikirkan idea baharu untuk menghias rumah dengan Jalur Gemilang.

"Ia bukan sekadar untuk pertandingan semata-mata tetapi lebih kepada keseronokan saya menyambut 31 Ogos," katanya yang pernah dinobatkan juara pertandingan kibar Jalur Gemilang peringkat kebangsaan.



TAHUKAH ANDA?

Allahyarham Chief Petty Officer Seaman Awang, Lt Komander Mohd Sharif Kalam dan Chief Petty Officer Oliver Cuthbert Samuel merupakan penakik bendera Malaysia pada 31 Ogos 1957

an pada tahun 2016 anjuran Jabatan Penerangan.

Pada tahun ini katanya, sebanyak 1,000 Jalur Gemilang dipasang di rumahnya secara berperingkat.

Selain untuk kepuasan diri, Mohamed Haris juga berharap orang ramai yang melihat usahanya mengibarkan Jalur Gemilang dapat mengikut langkah sama dalam usaha menyemarakkan Bulan Kemerdekaan.

"Kalau bukan kita siapa lagi. Bukan mudah untuk kita mencapai kemerdekaan dan apa salahnya kita meraikannya.

"Saya jadi lagi bersemangat apabila isteri, Lilawaty M Taib, 55, sangat memberi sokongan termasuk anak-anak dan cucu-cucu yang rajin membantu memasang Jalur Gemilang," katanya.



Replika jet pejuang antara yang dibina Mohamed Haris.



Penciptaan Bendera MALAYSIA

1949

- Majlis Perundangan Persekutuan mengadakan pertandingan untuk memilih reka bentuk bendera bagi kerajaan yang bakal dibentuk
- Daripada 373 karyawan hanya 3 reka bentuk berjaya dipilih ke peringkat akhir
- Karya-karya yang dipertandingkan turut dihalusi oleh Majlis Raja-Raja
- Rekaan yang dipilih adalah ciptaan **Mohamed bin Hamzah**, seorang arkitek Jabatan Kerja Raya Johor

PINDAAN REKA BENTUK ASAL

- Bulan sabit & bintang yang asalnya berwarna putih digantikan dengan warna kuning bagi melambangkan warna diraja
- Reka bentuk bendera tersebut mendapat kelulusan Raja George VI pada 19 Mei 1950

PERTAMA KALI DIKIBARKAN

26 MEI 1950

- Bendera Persekutuan Tanah Melayu buat pertama kalinya dikibarkan di perkarangan Istana Sultan Selangor dengan dihadiri Raja-Raja Melayu & pegawai-pegawai Raja George VI

31 OGOS 1957

- Ia telah berkibar secara rasmi di Padang Kelab Selangor seiring dengan berkumandangnya lagu Negaraku yang pertama kali diperdengarkan kepada umum

DINAMAKAN JALUR GEMILANG

MALAM 31 OGOS 1997

- Nama rasmi ini diumumkan Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad sempena sambutan 40 tahun kemerdekaan negara

Sumber: Majlis Keselamatan Negara (MKN) Diterbitkan: 24 Ogos 2021 Infografik Bernama



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 28 August 2021		
Akhbar	:	Berita Harian Online
Tajuk Berita	:	Ibu Izuan Fitri terharu ramai hulur bantuan
Muka Surat	:	-

BH ONLINE | Ahad, 29 Ogos 2021, 9:17am

Ibu Izuan Fitri terharu ramai hulur bantuan

Oleh Fatin Farhana Azzikin - Ogos 28, 2021 @ 4:27pm
 foto.farhana@bh.com.my



Abang Fitri tidak lalu melain dan sering menangis teringat Adik (Zainqi) yang tidak terlintas di IPK selepas menjalani pembedahan bahagian otak di HRL. Foto: Ihsan Nor Abdul Rani

KUALA LUMPUR: Ibu pelakon remaja, Izuan Fitri terharu apabila ramai menghulurkan bantuan selepas terselamy berita kemelut kewangan yang dihadapi bagi membiayai kos pembedahan anak yang menjalani pembedahan bahagian otak di Hospital Kuala Lumpur (HKL), awal bulan ini.

Nor Abdul Rani, 57, yang juga ibu tunggal, menerima banyak panggilan termasuk dari pegawai Lembaga Zakat Selangor (LZS) yang prihatin dengan nasibnya.

"Saya tak tahu nak cakap apa... Saya sangat bersyukur dan berterima kasih atas keprihatinan ramai. Tidak sangka ramai yang ambil berat. Rasa sedih pun ada sebab ramai yang menghubungi saya.

"Seperti pagi tadi, selepas kami ke udara di program Borak Kopitiam, ada individu menelefon dan mahu pinjaman kati khas untuk Adik (panggilan kepada Izuan Fitri) apabila keluar hospital nanti.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- Abang mahu adik serah diri
- Bayar RM300 untuk vaksin utama?
- Demi kasih, abang derma buah pinggang kepada adik
- Disangka batuk biasa rupa-rupanya kanser paru-paru

Hidupkan pagi

UNDI
 UNTUK MENDEDAHKAN
 JENAMA WIRA DI KALANGAN KITA.

VAKSIN

- NASIONAL** | Ogos 28, 2021 @ 8:30pm
 India catat rekod 10 juta suntikan vaksin sehari
- NASIONAL** | Ogos 26, 2021 @ 10:18am
 Lembah Klang, Labuan, Serawak capai imuniti kelompok
- NASIONAL** | Ogos 26, 2021 @ 9:36am
 81.3 peratus populasi dewasa lengkap vaksin
- NASIONAL** | Ogos 26, 2021 @ 8:31am
 Ketua kampung penemuan pertama vaksin Covid-19 di Sabah
- NASIONAL** | Ogos 26, 2021 @ 7:39am
 Kadar vaksinasi di pedalaman perlu ditingkatkan - Pakar
- WILAYAH** | Ogos 27, 2021 @ 8:29pm
 Peniaga pasar malam perlu divaksin sebelum berniaga

TRENDING

- NASIONAL** | 12 minit yang lalu
 Lajim meninggal dunia akibat COVID-19
- KEB** | 11 jam yang lalu



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
28 August 2021		
Akhbar	:	Berita Harian Online
Tajuk Berita	:	Melaka sekat rentak cemerlang Selangor
Muka Surat	:	-

31 AUGUST 2021 ONE DAY ONLY RM7.99

Melaka sekat rentak cemerlang Selangor

Penahan Selangor FC, Mohamed Ashraff Md Yusoff melakukan asakan terhadap pemain Melaka United FC, Idris Yusoff pada aksi Liga Super Malaysia 2021 di Stadium MBSA, sebentar tadi. -FOTO ABRAR ALIAS.

BUATKAN BUKU MELAKA

BOOST Living is it Lokal!

KUALA LUMPUR: Melaka United (MU) meyakinkan rentak cemerlang Selangor FC (SFC) apabila mengikat pasukan tuan rumah yang berada dengan 10 pemain 11 pada aksi di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBSA).

Ini menyaksikan harapan The Red Giants untuk meraih kemenangan kelima berturut-turut tidak sempat selepas lebih banyak bertahan apabila terpaksa beraksi dengan 10 pemain untuk tempoh lebih sejar.

Selangor terlebih dahulu di hadapan apabila pertahanan Pelanduk Dukung disudahkan dengan kemua oleh Han Hui Jung pada minit ke-77 sebelum rentak apabila Ashraff Yusoff dilayangkan had merah pada minit ke-27.

Berkebalikan sebarang pemain, Melaka sentiasa mengasak Selangor dan usaha keras mereka membuahkan hasil apabila Manuul Ott melengkap pada minit akhir untuk menjatuhkan kedudukan 1-1.

DESYORAN UNTUK ANDA

- Selangor terlepas mata penuh angka 'kurang inci'
- Penang buat Selangor terkedu
- Perak belum mahu kiblat bendera putih
- Gergasi Merah berputra gol 'bedil' FDRM

Selangor ins. The Red Giants akan berdepan Sabah FC di laman lawan sebelum aksi terakhir penentang FJ City FC sementara Melaka pula akan bertemu Perak FC dan Kepong United (KU).

BERITA BERKAITAN

- SILA** | 28/08/2021 @ 10:20am | DNA Jerman 'emas' di laman sendiri
- SILA** | 28/08/2021 @ 11:16am | Selangor akhir kementerian, KL-MUPFC kongsi mata
- SILA** | 28/08/2021 @ 11:00am | UTM FC bukan tandingan Selangor
- SILA** | 28/08/2021 @ 9:46am | Situasi bola mati Selangor 'mat'

TRENDING

- NASIONAL** | 38 minit yang lepas | Ligin meninggal dunia akibat COVID-19
- ROD** | 11 jam yang lepas | Kelang kena zombi serangan kemua peragat masut
- SEKAWA** | 10/08/2021 @ 11:00am | Pukul kembali kepada fitness

MYRESPI

- RESPI** | 08/08/2021 @ 09:00am | Cara Bunk Bed Sleepy Spagheti Cerebral Tomyam, Sardinia Muesli Creamy & Tak Mual!
- RESPI** | 08/08/2021 @ 10:20am | Jim Maak Spicy Spagheti Cerebral Tomyam, Sardinia Muesli Creamy & Tak Mual!
- RESPI** | 08/08/2021 @ 10:50am | Revisi Bunk ABC, Mewakili Cita Rasa Mual, Sial & Sial!



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 28 August 2021		
Akhbar	:	KOSMO Online
Tajuk Berita	:	Sultan Selangor zahir dukacita pemergian Tun Ahmad Sarji
Muka Surat	:	-

The image shows a vertical scroll of a news article from Kosmo!. The main headline is "Sultan Selangor zahir dukacita pemergian Tun Ahmad Sarji". Below the headline, there is a sub-headline "Sultan Selangor zahir dukacita pemergian Tun Ahmad Sarji" and a small photo of Sultan Ibrahim Sultan and Tun Ahmad Sarji. The article text is partially visible, mentioning the Sultan's expression of grief over the passing of Tun Ahmad Sarji. Below the text, there are several small images: a photo of a road with a sign, a photo of a riverbank with people, a photo of a tower, and a photo of people sitting on a bench. The Kosmo! logo is visible at the bottom of the page.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 27 August 2021		
Akhbar	:	Malaysiakini Online
Tajuk Berita	:	Chow gesa PM beri perhatian kepada negeri dengan peningkatan kes
Muka Surat	:	-

[EN](#) [BM](#) [MS](#) [MCA](#)

[Log Masuk](#) [Laporan](#) [Kini Community](#) [Q](#)

- Utama
- Terkini
- Jajak Covid-19
- Pilihan Editor
- Global
- Kolum
- Surat
- Laporan Khias
- Utusan
- Wawancara
- LensaKini
- Sukan
- Seri & Hiburan
- Kartun
- Makmal Berita
- Pengumuman
- Acara
- Makmal Berita
- Pengumuman
- Acara
- Kerjaya

BERITA

Chow gesa PM beri perhatian kepada negeri dengan peningkatan kes

Diterbitkan 27 Aug 2021, 9:38 pm

Kerajaan Pulau Pinang menggesa Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan barisan Kabinet baharunya untuk memberi perhatian kepada negeri-negeri yang menyaksikan peningkatan kes Covid-19 sejak beberapa minggu kebelakangan ini.

Ketua Menteri Chow Kon Yeow berkata beliau berharap Kerajaan Persekutuan akan menghulurkan bantuan kepada negeri terabit termasuk Pulau Pinang.

"Saya menyeru PM baharu, Menteri Kesihatan baharu dan menteri lain yang berkaitan untuk membantu negeri-negeri ini...sama ada untuk mempercepat vaksinasi atau mengambil langkah-langkah dalam inisiatif penjagaan kesihatan awam dan memastikan kemudahan penjagaan kesihatan awam mencukupi bagi menangani peningkatan kes Covid-19," katanya pada sidang akhbar di George Town hari ini.

Beliau berkata ketika ini terdapat kadar kesihatan lebih tinggi akibat Covid-19 di Pulau Pinang dan perkara itu seharusnya menjadi perhatian utama semua pihak.

House in Cyberjaya for sale

RM 1,260,000

Lihat Bilik

House in Valencia for sale

RM 1,820,000

Lihat Bilik

House in Cyberjaya for sale

RM 1,650,000

Lihat Bilik

[iProperty.com.my](#)

Paling Popular Terkini

- Dengan kes meningkat, bekalan alat penting rawat Covid-19 berkurang di seluruh negara
28 Aug 2021
- Kembalinya Taliban - apa kesannya di Malaysia?
28 Aug 2021
- Ahmad Saqji meninggal dunia
26 Aug 2021

[Cari](#) [Batal](#) [Sah](#) [Tutup](#)

Pulau Pinang menyaksikan peningkatan kes Covid-19 dan semalam mencatat angka harian tertinggi bagi kes baharu iaitu sebanyak 2,078 sejak pandemik itu melanda negara pada Mac tahun lepas.

Negeri itu juga merekodkan jumlah kematian tertinggi semalam iaitu 31 kes.

Terdahulu, Chow dalam satu kenyataan memaklumkan bahawa Pulau Pinang akan menerima sejumlah 20,000 dos vaksin Covid-19 yang disumbangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor pada Selasa depan.

"Kami berharap sumbangan ini akan mempercepat program vaksinasi di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan," katanya.

Beliau berkata Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor atas sumbangan itu serta Ahli Parlimen Bagan Lim Guan Eng atas inisiatifnya dalam mendapatkan sumbangan tersebut.

Katanya bagaimanapun, pinjaman vaksin itu masih menunggu kelulusan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Chow juga berkata justeru, setiausaha kerajaan negeri Pulau Pinang telah menulis surat kepada Ketua Setiausaha MOSTI semalam berhubung kelulusan bagi pinjaman itu dan pengembaliannya kelak.

Semalam, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Luar Bandar Dr Norliela Ariffin menghajikan penghargaan kepada Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari, exco kesihatan Selangor Dr Siti Mariah Mahmud dan Klinik SelCare kerana meluluskan pinjaman 200,000 dos vaksin Covid-19.

- Bernama

Beri pendapat anda!

Jadi pelanggan Malaysiakini untuk menjadi pengulas berita. Anda dapat mengakses kandungan semua bahasa dan menulis komen di semua platform Malaysiakini.

LANGGAN DAN SOKONG MEDIA BEBAS

Bersatu sokong media bebas.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
28 August 2021		
Akhbar	:	myMetro On-line
Tajuk Berita	:	Gegasi Merah kempunan raih kemenangan
Muka Surat	:	-

myMetro
 Abad, 29 Ogos 2021, 9:23am
 Waktu Bulet Kuala Lumpur - Hari 3, 17 PM
 Cari kata kunci

Gegasi Merah kempunan raih kemenangan

Finbaw Hassan
 fromshaharong@metromy.com.my

ANTARA aksi Selangor dan Melaka hari ini. FOTO Anwar Alan

Petaling Jaya: Pemain import Melaka United, Alanwei Ott mencuri perhatian apabila jaringan pada masa kecenderungan membekahkan skuad Hang Tuah mengikat Selangor FC 1-1 di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya, di sini, malam ini.

Sebaliknya gol itu nyata mengecewakan pasukan tuan rumah yang terlebih dulu mendahului dan dilihat cukup ampuh bertahan biarpun hanya beraksi dengan 10 pemain sepanjang 60 minit aksi.

Dalam perlawanan itu pemain import dari Myanmar, Hein Htet Aung berjaya meletakkan tuam rumah di depan seawal minit ke-18 selepas bijak membaca hantaran Ifedayo Omosoyi untuk tengah menewaskan penjaga gol pelawat, Kharul Fahmi Che Mat.

Kesilapan Ashmawi Yakin yang melakukan terjanah dari belakang ke atas Sony Noride di minit ke-27 membuatkan dia dilayangkan kad merah untuk membiarkan Selangor beraksi dengan 10 pemain.

Situasi itu menyebabkan pengendali Selangor, Karsten Nettel terpaksa membuat pertukaran taktikal dengan memasukkan pemain pertahanan muda, Harith Harqal dan mengeluarkan pemain sayap, Hakim Hassan bagi mengimbangi kekuatan pasukan.

Blarup kekurangan pemain, tuan rumah tampak tetap berbahaya dengan acap kali melancarkan serangan balas ke kubu lawan yang dilihat tertekan menahan asakan skuad Red Giants.

Sebaliknya, skuad kendalian Zaimal Abidin Hassan harus menyalahkan diri sendiri apabila beberapa peluang keemasan disia-siakan jentera serangan terutamanya pada minit ke-65.

Sony yang berjaya melepasi perangkap offside tuan rumah gagal menewaskan Kharulzhan Khalid meskipun hanya berdepan dengan penjaga gol kebangsaan itu yang mudah menghalang perubahan penyerang import dari Haiti itu.

Usaha pelawat akhirnya membuahkan hasil apabila Manuel Ott merembat dari luar kotak penalti untuk menghasilkan satu mata buat Melaka sementara Gegasi Merah kecewa di halaman sendiri.

Disiarkan pada: Ogos 28, 2021 @ 11:26pm

Artikel berkaitan

- BOLA SEPAK: TTC sekat hajat Melaka United
- BOLA SEPAK: Selangor dimalukan Penang FC
- BOLA SEPAK: Melaka United hampakan Terengganu FC
- BOLA SEPAK: PJ City tumbangkan Tok Gajah

Disipikan untuk anda

- Wanita yang berusia 52 tahun mampu kelihatan muda dengan penggunaan setiap...
- Here is What Full Mouth Dental Implants Should Cost You in 2020
- Former OneSix Family Apartment in London Sells for £18.6 Million
- HELP WANTED
- CHINA'S ECONOMY
- Jim Masak Spicy Spaghetti Carbonara Tomiyam, Rakanya, Menang Creamy & Tak Masak!

Trending

- 'Ki role model terkial, seorang menteri ada mia'
- Pendaftaran Covid-19 RM650!
- Bekas menteri jadi pengantar makanan
- Zahid saman parti serpihan Umno diburukkan
- 'Tanahlagi itu di negeri abadi'

Malah

- Covid-19: Penggunaan kuali pesakit di hospital di Selangor turun 38 peratus
- Terjaja jangkap samar
- Perubahan suraw di LTSP buat prosedur ditetapkan
- Rindu nak sambut Merdeka
- Bekalan ubat Covid-19 tidak terputus
- Rakyat Malaysia ditahan di Afghanistan: Polis kemuka pembebasan kepada agensi luar

MyInsipi

- Caru Buih Mee Goreng Boleh Paling Sedap, Resipi Dari Tukang Masak Sendiri!
- Jim Masak Spicy Spaghetti Carbonara Tomiyam, Rakanya, Menang Creamy & Tak Masak!



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
28 August 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian Online
Tajuk Berita	:	Angkara Covid-19, tiga anak kecil 'ditinggal' di rumah
Muka Surat	:	-

The screenshot shows a news article on the Sinar Harian website. The headline is "Angkara Covid-19, tiga anak kecil 'ditinggal' di rumah". The article text is partially visible, starting with "Tiga kanak-kanak yang masih kecil ditinggal di rumah tanpa pengawasan orang dewasa akibat..." and "Meningkatkan..." It includes a sub-section titled "Dapatkan artikel ini" with a list of related topics. At the bottom, there is a "TERBIM" section with a list of items and a "Newsletter" sign-up form.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
